



# Bahasa Melayu di Universiti Awam:

## Satu Tinjauan Umum

**T**erlalu sukar untuk memperkatakan tentang kedudukan bahasa Melayu di Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau kini lebih dikenali sebagai Universiti Awam (UA). Secara dasarnya, institusi ilmu yang dimiliki oleh kerajaan seharusnya menyokong dasar bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Malah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi pada 1970 yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, menjadi titik tolak dalam memartabatkan bahasa kebangsaan di IPTA. Pada peringkat sekolah rendah dan menengah, pelaksanaan sekolah aliran kebangsaan dilihat seiring dengan Penyata Razak (1946) dan Laporan Rahman Talip (1961) yang mahu bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. Pemilihan bahasa Melayu bukan bererti kita mahu "memelayukan" kaum lain, tetapi sebagai sebuah negara merdeka, bahasa Melayu dilihat berupaya untuk menjadi bahasa perpaduan dalam sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum.

Dalam konteks pembinaan bangsa berilmu, bahasa Melayu sebenarnya sudahpun menjadi bahasa ilmu tinggi dan *lingua franca* di Kepulauan Melayu. Menurut Datuk Dr. Hassan Ahmad (2007), sejak dasar bahasa

kebangsaan dilaksanakan selepas merdeka, khususnya mulai tahun 1970-an, dianggarkan lebih kurang lima juta pelajar dari semua kaum telah terdidik dalam bahasa kebangsaan. Beratus ribu pelajar berjaya mendapat pendidikan di peringkat tinggi dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utamanya. Beribu orang sarjana, professor, professor madya dan pakar dalam pelbagai bidang ilmu dan professional lahir dari sistem kebangsaan. Sebelum 1957, tidak ada seorang pun anak Melayu dan juga anak kaum lain yang menjadi sarjana, professor dan ahli sains melalui pendidikan dalam bahasa Melayu sejak peringkat sekolah rendah. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Melayu berkemampuan menjadi bahasa ilmu sama ada di sekolah mahupun di peringkat universiti.

Di samping itu, sejarah telah membuktikan bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia pada awal penubuhannya pernah melahirkan ribuan graduan perubatan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Malah kepakaran dan kebolehan mereka dalam bidang perubatan setanding dengan graduan perubatan yang belajar di luar negara. Justeru, adalah satu kesilapan jika ada pihak yang mengatakan bahawa orang Melayu hanya akan maju, jika mereka belajar dalam bahasa Inggeris, khususnya bagi ilmu sains dan matematik. Hal ini demikian kerana, pada zaman keagungan Islam, Ibnu Sina telah menulis sebuah kitab dalam bahasa Arab berjudul "Al-Qanun Fi Al Tibb" atau dalam bahasa Inggerisnya "The Canon of Medicine" yang sehingga kini masih dijadikan rujukan utama dalam bidang perubatan di seluruh dunia. Begitu juga halnya dengan Al-Khawarizmi yang terkenal dengan karyanya yang berjudul

"Al-Jabr Wa'l Muqabalah" yang turut menggunakan bahasa Arab dan bukannya bahasa Inggeris dalam mengungkap ilmu matematik dan algebra.

Namun begitu, muktahir ini, bahasa Melayu, di IPTA bukan sahaja dipinggirkan, malah kurang digunakan dalam penulisan ilmiah. Peminggiran bahasa Melayu di IPTA diakui sendiri oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, iaitu P. Kamalanathan yang mengatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam laporan penyelidikan dan penerbitan di IPTA tempatan, didapati berada pada tahap sangat lemah. Malah penerbitan berbahasa Melayu tidak diambil kira untuk perjawatan dan kenaikan pangkat. Hakikatnya, perubahan ini banyak dipengaruhi oleh pelaksanaan Akta Pendidikan 1996, dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, yang memberikan kuasa kepada menteri untuk menentukan penggunaan bahasa pengantar di sekolah mahupun di universiti. Perubahan ini bertentangan dengan dasar bahasa kebangsaan seperti yang telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/68, dan Akta Pelajaran 1957.

Ketidakyakinan terhadap bahasa Melayu di IPTA banyak dipengaruhi oleh perubahan dasar kerajaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Misalnya pada 2003, kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan dasar Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di semua sekolah rendah dan menengah. Biarpun PPSMI telah dimansuhkan, namun kesan pelaksanaannya telah mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia sehingga ada yang sanggup memperlekehkan keupayaan bahasa Melayu

sebagai bahasa ilmu. Selain itu, pelaksanaan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) pada 2011 dilihat tidak memberikan impak yang besar terhadap bahasa Melayu di sekolah. Hal ini demikian kerana, selepas lima tahun pelaksanaannya, dasar MBMMBI belum memperlihatkan satu rekod pencapaian yang boleh dibanggakan.


Di peringkat IPTA, bahasa Melayu hanya digunakan untuk kursus-kursus yang berteraskan Pengajian Melayu dan Kesusasteraan Melayu, manakala kursus-kursus lain diajarkan dalam bahasa Inggeris. Hal ini berlainan sekali dengan budaya ilmu di Jepun yang masih mengutamakan bahasa ibunda, sehingga memaksa pelajar luar yang mahu belajar di Jepun mendalami bahasa Jepun terlebih dahulu. Selain itu, dasar pengantarabangsaan IPTA untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan tinggi dunia, turut menjejaskan kedudukan bahasa Melayu di IPTA. Melalui dasar ini, semua IPTA diminta untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi membolehkan pelajar dari luar negara belajar di Malaysia. Ternyata kita terlalu memenuhi kehendak dan keperluan orang luar berbanding memenuhi keperluan bangsa kita sendiri untuk mendapatkan ilmu dalam bahasa yang mereka fahami. Hal ini mengingatkan penulis dengan Seloka Mak Si Randang yang suka melebih-lebihkan orang luar berbanding diri sendiri, sehingga dalam budaya kita lahir pepatah yang berbunyi "anak kera di hutan disusukan, anak di rumah mati tak makan". Sejujurnya penulis tidak menolok kedatangan pelajar dari luar negara untuk menuntut di Malaysia, namun, dalam hal

ia tidak bermakna kita harus mengorbankan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa utama dalam sistem pendidikan kita.

Ketahanan sesuatu bahasa banyak bergantung kepada aliran pemikiran yang didukungnya dalam konteks penulisan ilmiah di IPTA, kebanyakan para pensyarah bimbang gemar menulis dalam bahasa Inggeris. Hal ini bertujuan untuk memudahkan hasil kajian mereka disenaraikan sebagai jurnal terindeks dan berwasit. Keghairahan untuk menghasilkan jurnal dalam bahasa Inggeris turut dipengaruhi oleh faktor lain, seperti kenaikan pangkat sebagai pensyarah kanan, profesor muda dan profesor utama untuk menaikkan penarafan (ranking) sesebuah universiti.

Selain itu, para pengkaji dan sarjana di Malaysia khuatir jika menulis dalam bahasa Melayu, maka pendapat mereka tidak akan pergi jauh dan hanya berlegar di sekitar dunia Melayu. Fenomena ini merupakan satu tamparan hebat kepada dasar bahasa kebangsaan dan dasar pendidikan kebangsaan yang sepatutnya menjulang martabat dan fungsi bahasa Melayu di IPTA. Akhirnya bahasa Melayu menjadi bahasa yang ditinggalkan dan terbuang oleh para sarjana universiti yang kebanyakannya berbangsa Melayu. Hal ini didukung oleh kepimpinan Merton. Peminggiran penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan ilmiah, secara tidak langsung menyebabkan ilmu-ilmu yang dikaji oleh para sarjana universiti tidak sampai kepada kelompok sasaran, kerana hasil kajian tersebut hanya dapat diakses secara berkongsi di alam maya.

Mungkin ramai para sarjana universiti terlupe atau tidak pernah membaca tentang norma akademik yang diasaskan oleh Robert K. Merton pada



tahun 1942. Menurut Merton, terdapat beberapa prinsip yang perlu dipatuhi untuk menjadi seorang penyelidik yang baik dan berprestasi. Antara prinsip yang ditekankan oleh Merton ialah perkongsian (*communalism*), kesejagatan (*universalisme*) dan tiada berkepentingan (*disinterestedness*). Jika status jurnal, makalah dan esei terindeks seperti ISI mahupun SCOPUS yang dijadikan ukuran, maka para sarjana di universiti telah melanggar prinsip-prinsip Merton seperti yang telah dinyatakan tadi. Dalam Islam, ilmu yang terbaik adalah ilmu yang bermanfaat kepada masyarakatnya. Apakah guna kajian yang hebat dan unggul tetapi tidak dapat dibaca oleh para pelajar, sama ada pada peringkat sekolah mahupun pada peringkat universiti. Justeru, adalah penting bahasa Melayu digunakan sebagai wadah dalam penulisan ilmiah, sama ada jurnal, makalah dan esei, agar kajian yang berimpak tinggi itu dapat dibaca dan diambil ilmunya oleh anak-anak tempatan.

Selain isu peminggiran bahasa Melayu dalam bilik kuliah dan penulisan ilmiah, dasar pengantarabangsaan bahasa Melayu di IPTA dilihat tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Kebanyakan kursus bahasa Melayu yang ditawarkan di IPTA untuk pelajar antarabangsa, hanya dijalankan selama 2 jam seminggu, berbanding kursus-kursus bahasa Inggeris dan bahasa ketiga seperti Arab, Mandarin dan Jepun. Jumlah jam pengajaran dan pembelajaran yang singkat sudah tentu tidak dapat memberikan impak yang besar kepada pelajar antarabangsa dalam menguasai bahasa Melayu dengan baik. Di samping itu, sikap pelajar dan pensyarah tempatan yang gemar menggunakan bahasa Inggeris ketika berinteraksi dengan pelajar asing turut menyebabkan bahasa Melayu yang mereka pelajari dalam bilik kuliah tidak berkembang dan meluas penggunaannya. Perkara ini sudah tentu menimbulkan kecurigaan dalam kalangan penuntut asing

terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di Malaysia.

Usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu di IPTA secara zahirnya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terdapat beberapa program yang telah dirancang oleh Kementerian untuk memartabatkan bahasa Melayu. Antaranya termasuklah audit bahasa di IPTA dan yang terbaharu ialah pelaksanaan ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu untuk Warganegara Asing (SKBMW) yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Ujian ini wajib diambil oleh semua warganegara asing yang menandatangani di Malaysia. Pelaksanaan ujian ini adalah untuk memastikan warganegara asing yang berada di Malaysia dapat menguasai asas bahasa Melayu dan seterusnya menghayati budaya serta adat resam yang terdapat di Malaysia. Pada peringkat permulaan, MPM mensasarkan pelajar antarabangsa yang berada di IPTA untuk mengambil ujian ini sebelum SKBMW dibuka kepada calon luar.

Dalam usaha mengangkat kesedaran ahli akademik Melayu, para pensyarah universiti sebenarnya mempunyai banyak ruang dan peluang untuk menerbitkan hasil penyelidikan mereka dalam bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sendiri, mempunyai 11 buah majalah dan 4 buah jurnal dalam pelbagai bidang yang boleh dijadikan sebagai wadah untuk berkarya dan menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Malah, majalah terbitan DBP bukan sahaja tersebar secara meluas dalam lingkungan dunia Melayu, tetapi turut sampai ke Universiti London, Belanda, Korea Selatan, China dan Rusia. Penyebaran ilmu yang luas ini sudah tentu

**Perkembangan bahasa Melayu di IPTA sepatutnya tidak terhakis kerana kebanyakan pensyarah universiti awam merupakan warganegara Malaysia dan majoritinya Melayu.**

dapat menyuburkan konsep memasyarakatkan ilmu dan mengilmukan masyarakat. Di samping itu, terdapat banyak jurnal seperti Jurnal Melayu, Jurnal Kanun, Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Jurnal Peradaban Melayu, Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, Jurnal Jendela Alam, Jurnal Sari, Jurnal Filologi Melayu, Jurnal Perisa dan jurnal-jurnal yang dikendalikan oleh IPTA sendiri yang turut menerbitkan artikel dan makalah dalam bahasa Melayu atau dwibahasa. Kesemua jurnal ini berfungsi sebagai wadah untuk mengembangkan dan membangunkan ilmu baharu dalam kalangan masyarakat Malaysia dan dunia.

Perkembangan bahasa Melayu di IPTA sepatutnya tidak terhakis kerana kebanyakan pensyarah universiti awam merupakan warganegara Malaysia dan majoritinya Melayu. Para sarjana Melayu seharusnya malu dengan sarjana-sarjana bukan Melayu seperti Dr. Teo Kok Seong, Dr. Ding Choo Ming dan Dr. Lim Swee Tin (sekadar menyebut beberapa nama) yang lantang memperjuangkan penggunaan bahasa Melayu di Malaysia. Di

luar negara, bahasa Melayu turut diangkat martabatnya oleh sarjana luar seperti Dr. Victor Pogadaev dari Rusia, Dr. Koh Young Hun dari Korea Selatan, Dr. James T. Collins dari Amerika Syarikat dan banyak lagi. Jika orang bukan Melayu boleh bergelar profesor hanya dengan mengkaji bahasa Melayu, apakah orang Melayu yang lebih arif tentang susur galur bahasa dan bangsanya tidak dapat melakukannya. Kesemua ini terletak dalam jiwa orang Melayu itu sendiri, khususnya ahli akademik Melayu yang kini megah bergelar sarjana di IPTA tetapi tidak berupaya menulis dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas sekali bahawa bahasa Melayu sebenarnya berupaya mengungkap konsep dan ilmu tinggi dalam pelbagai bidang. Malah, tanpa kita sedari, bahasa Melayu juga dapat mencipta ilmu-ilmu baharu yang belum diterokai oleh pengkaji luar. Kekayaan ilmu kearifan tempatan (*local knowledge*) yang terdapat di alam Melayu seperti perubahan, pembinaan, geografi dan sebagainya wajar dimanfaatkan oleh para sarjana di IPTA. Perkembangan ilmu-ilmu baharu dalam bahasa Melayu bukan sahaja memberikan kesan besar kepada kesedaran bahasa Melayu tetapi turut mengangkat wibawa pengkaji tempatan di mata dunia. Berpegang kepada konsep "Bahasa Jiwa Bangsa", usaha memartabatkan bahasa Melayu di IPTA sebagai bahasa ilmu bukanlah bermakna bahasa Melayu cuba mengambil fungsi antarabangsa, tetapi lebih menjurus kepada semangat nasionalisme dalam mempertahankan bahasa dan kebudayaan bangsa kita sendiri. DB